

Rabu, Apr 11 2018

RINGGIT 3.8670 10 April 2018

BH 11/4
Ringgit mengukuh berbanding kerugian kelmarin, dan ditutup lebih tinggi berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) semalam, dorong oleh peningkatan harga minyak mentah, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, ringgit disebut harga pada 3.8670/8700 berbanding dolar AS daripada 3.8690/8730 kelmarin.

Peniaga berkata, harga minyak mentah yang lebih tinggi dengan penanda aras niaga hadapan minyak mentah Brent mencatatkan AS\$68.55 (AS\$1 > RM3.86) satu tong, menyokong ringgit memandangkan Malaysia adalah pengeksport bersih minyak dan gas, banyak bergantung kepada pergerakan harga komoditi itu.

Namun, unit tempatan didagangkan rendah berbanding sekumpulan mata wang utama yang lain.

Ringgit rendah berbanding dolar Singapura kepada 2.9492/9535 daripada 2.9438/9477 pada Isnin dan rendah berbanding

ding yen kepada 3.6130/6168 daripada 3.6108/6149 kelmarin.

Ia rendah berbanding euro kepada 4.7641/7694 daripada 4.7457/7518 pada Isnin dan rendah berbanding pound kepada 5.4784/4846 daripada 5.4518/4590 kelmarin. **BERNAMA**
